

04 DEC 1999
MB-Kedah (Fokus Berita)
SIAPA GANTI SANUSI?

ALOR SETAR, 4 Dis (Bernama) -- Pengumuman Tan Sri Sanusi Junid untuk tidak lagi menyambung tugas sebagai Menteri Besar Kedah menimbulkan tanda tanya siapa yang bakal menggantikan pemimpin berjawatan itu.

Sanusi, yang mengumumkan hasratnya itu di sini hari ini, juga tidak memberikan bayangan siapa yang akan menggantikannya.

Bagaimanapun, penganalisis politik di sini meramalkan beberapa nama yang bakal dilantik ke jawatan itu termasuk beberapa muka baru.

Antaranya ialah anggota exco kerajaan negeri Datuk Syed Razak Syed Zain, bekas Rektor Institut Pendidikan Tinggi Islam Kedah (Insaniah) Prof Datuk Othman Ishak dan bekas Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Khas, Jabatan Penerangan Fadzil Hanafi.

Sanusi dalam sidang media di kediamannya di sini berkata keputusan untuk menolak tawaran atau tidak menyambung lagi tugas itu dibuat setelah melihat keputusan pilihan raya umum ke-10 pada malam 29 Nov lalu.

Pada pilihan raya itu, Barisan Nasional (BN) memenangi 24 dari 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan bakinya diperolehi PAS. Parti pembangkang itu turut merampas lapan daripada 15 kerusi Parlimen, membiarkan BN menguasai tujuh.

Keputusan itu dianggap pencapaian terburuk BN kerana pada pilihan raya 1995, BN memenangi kesemua 15 kerusi parlimen dan PAS hanya mampu memenangi dua kerusi DUN, selebihnya dimenangi oleh BN.

Sanusi dikatakan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Nov lepas bagi menyatakan hasrat untuk tidak menjadi Menteri Besar lagi.

Beberapa hari selepas itu, beliau menemui Dr Mahathir di rumah penghulu di Kampung Tok Senik, Langkawi dan membincangkan perkara itu secara terperinci.

Hasil perbincangan itu, Perdana Menteri bersetuju dengan hasratnya dan menegaskan keputusan kedua-dua belah pihak itu tidak dipengaruhi oleh pendapat luar sama ada secara bisikan atau melalui akhbar tertentu.

Tanda tanya mengenai bakal Menteri Besar Kedah yang baru akan hanya terungki pada 11 Dis depan pada majlis mengangkat sumpah Menteri Besar di hadapan Sultan Kedah.

Sementara itu, ramalan penganalisis mengenai pemilihan Syed Razak sebagai bakal Menteri Besar adalah berdasarkan pengalaman serta kedudukannya sebagai exco kanan yang telah berada dalam barisan kerajaan negeri selama tiga penggal.

Sebelum ini, Syed Razak, yang juga Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah, memegang Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pada pilihan raya ke-10 itu, beliau memperolehi 7,905 undi menewaskan calon PAS Kasim Mat Isa dengan majoriti 1,985 undi di DUN Kubang Rotan, satu-satunya kerusi DUN yang dimenangi BN di dalam Parlimen Kuala Kedah.

Kerusi Parlimen Kuala Kedah, kerusi DUN Anak Bukit dan DUN Pengkalan Kundur dimenangi oleh PAS.

Prof Othman pula ialah antara muka baru yang dicalonkan bertanding dalam pilihan raya kali ini di DUN Jitra. Beliau menewaskan anak jati kawasan itu Nanyan Saad dari PAS dengan majoriti 4,234 undi.

Tanpa memegang sebarang jawatan dalam parti, kemungkinan Prof Othman dilantik sebagai Menteri Besar dilihat agak tipis berbanding Syed Razak

disebabkan pengaruh peringkat akar umbi yang amat penting.

Peluang Fadzil juga dilihat samar-samar disebabkan keadaan yang sama seperti Othman. Fadzil selama ini hanya berada di ibu negara dan tidak memegang sebarang jawatan dalam parti.

Beliau pernah bertanding di DUN Anak Bukit pada pilihan raya 1995 dan tewas kepada Fadzil Noor. Kali ini, tokoh agama itu memenangi kerusi DUN Tanjong Seri menewaskan bekas guru agamanya, Niamat Yusoff (PAS) dengan majoriti kecil sebanyak 440 undi.

Fadzil, yang sering diundang memberi ceramah agama di radio dan televisyen, juga dilihat tidak kukuh di peringkat akar umbi.

Pemerhati politik berpendapat calon yang menggantikan Sanusi haruslah seseorang yang mampu mengatasi masalah dalaman BN bagi menghadapi pilihan raya berikutnya.

Calon itu juga mestilah orang yang berpengaruh di dalam parti bagi merapatkan semula "sedikit pergeseran" dalam Umno berikutan wujud puak yang disebut "orang Sanusi dan anti Sanusi".

"Ini penting kerana kekalahan dalam pilihan raya lepas dilihat berpunca dari faktor Sanusi," katanya.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, yang kecewa dengan keputusan Sanusi itu, berkata beliau melihat tiada seorangpun dalam barisan wakil rakyat Umno sekarang yang berkaliber mengambilalih jawatan itu.

Katanya Sanusi adalah pemimpin yang berwawasan serta mempunyai banyak idea dan barisan Umno negeri sekrang dilihat belum berupaya sampai ke tahap pemikiran Sanusi.

-- BERNAMA

MAN MZM MN NAK